



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

JAWATANKOSONG

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA adalah sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

JAWATAN AKADEMIK

BIL	JAWATAN / GRED	FAKULTI / PUSAT	BIDANG
1.	<p>Pensyarah Universiti Gred DS51, DS53, Khas C (VK7)</p> <p>Pensyarah Perubatan Gred DU51, DU53, DU55, Khas C (VK7)</p>	<p>Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan</p>	<p>1. Biokimia (<i>Biochemistry</i>)</p> <p>2. Anestesia (<i>Anaesthesiology</i>)</p> <p>3. Radiologi (<i>Radiology</i>)</p>

1. **TARAF JAWATAN** - Semua jawatan akan dilantik secara **Tetap / Kontrak / Sementara / Pinjaman**

2. Permohonan dibuka untuk **WARGANEGARA** sahaja.

3. **SYARAT LANTIKAN**

Sila rujuk lampiran

4. **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan adalah mengikut skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa.

5. **IMBUHAN DAN ELAUN BERKAITAN (BERDASARKAN GRED GAJI)**

Antara Imbuan yang diberikan adalah termasuk Imbuan Tetap Perumahan/Imbuan Tetap Keraijan/Imbuan Tetap Khidmat Awam/Imbuan Tetap Gred Khas dan lain-lain elaun yang berkuatkuasa.

6. **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan Awam berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Pemohon-pemohon yang mempunyai Ijazah Luar Negara hendaklah menyertakan surat pengesahan pengiktirafan ijazah dari Unit Dasar dan Pengiktirafan, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam (Malaysia).

7. SYARAT TAMBAHAN

Pemohon perlu mempunyai kesihatan tubuh badan yang diperakui sihat oleh Pegawai Kesihatan dan boleh melakukan aktiviti di luar waktu kerja disamping aktif dalam aktiviti sukan.

8. CARA MEMOHON

- i. Permohonan daripada pegawai/anggota yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau Badan Berkanun perlu mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan salinan Laporan Penilaian Prestasi terkini, salinan Buku Perkhidmatan yang dikemas kini dan salinan dokumen/sijil seperti di atas.**
- ii. Pemohon perlu mengisi **Borang Permohonan Jawatan Akademik (UPNM.PEND.HRM.001)**. Borang tersebut boleh di dapati di laman web <http://pendaftar.upnm.edu.my>. Borang yang lengkap diisi perlu di sertakan bersama salinan yang disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A) bagi dokumen/sijil berikut:
 - a) Resume terkini
 - b) Kad Pengenalan
 - c) Sijil-sijil Akademik (SPM/STPM/Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD)
 - d) Sijil-sijil Ko-kurikulum / Penglibatan NGO
 - e) Testimonial/Pengesahan Kerja daripada majikan (bagi pekerja swasta / industri)
 - f) Slip gaji terakhir (jika masih berkhidmat)

Satu set permohonan yang telah lengkap hendaklah di pos ke alamatkan berikut:

Jabatan Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur
(u.p. : Encik Sazali bin Salim)

- iii. Jawatan yang dipohon hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
- iv. Sila kemukakan pada atau sebelum tarikh tutup permohonan.
- v. Hanya pemohon yang memenuhi syarat skim, layak selepas tapisan dan di senarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa **enam (6)** bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- vi. UPNM tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan ketika menghadiri temu duga.
- vii. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:
 - **Encik Sazali bin Salim / Puan Normah binti Musa** melalui telefon 03-90513400 samb 3070/4584/3523 atau emel: sazali@upnm.edu.my / normah@upnm.edu.my
- viii. Tarikh tutup permohonan jawatan adalah pada **10 MEI 2019**

Peringatan: Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

**SYARAT – SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK
IKLAN JAWATAN KOSONG
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

JAWATAN	SYARAT KELAYAKAN
<p>PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS51 / DS53 / KHAS C (PROFESOR) (VK7)</p> <p>DS51 : RM5,855.00 – RM12,445.00</p> <p>DS53 : RM6,162.00 – RM13,235.00</p> <p>VK7 : RM7,676.00 – RM20,592.00</p>	<p>SYARAT AM:</p> <p>(1)Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Warganegara Malaysia(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.(c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. <p>Perenggan 1 (c)</p> <ul style="list-style-type: none">(i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau(ii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau

(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,380.37); atau

(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,380.37).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS51

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM5,855.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS53 (PROFESOR MADYA)

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS53: RM6,162.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,676.00).

JAWATAN	SYARAT KELAYAKAN
<p>PENSYARAH PERUBATAN GRED DU51 / DU53 / DU55 / KHAS C (PROFESOR) (VK7)</p> <p>DU51 : RM5,862.00 – RM12,492.00</p> <p>DU53 : RM6,251.00 – RM13,351.00</p> <p>DU55 : RM6,640.00 – RM14,210.00</p> <p>VK7 : RM7,676.00 – RM20,592.00</p>	<p>SYARAT AM:</p> <p>(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</p> <p>(c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU51</p> <p>(d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM5,862.00); atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM6,095.95); atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM6,095.95). dan</p> <p>(iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.</p>

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU53
(PROFESOR MADYA)**

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d); dan

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(ii). (Gaji permulaan ialah pada Gred DU53: RM6,251.00)

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU55
(PROFESOR MADYA)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d); dan

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(ii). (Gaji permulaan ialah pada Gred DU55: RM6,640.00)

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

(g) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d); dan

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang terkemuka mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam

	1(g)(ii). (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00).
--	--

SYARAT KHUSUS

SYARAT KHUSUS			
BIL.	FAKULTI	BIDANG KEPAKARAN	KRITERIA
1.	Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan	1. Biokimia (<i>Biochemistry</i>) 2. Anestesia (<i>Anaesthesiology</i>) 3. Radiologi (<i>Radiology</i>)	A) JAWATAN GRED KHAS C / PENSYARAH PERUBATAN (DU53 / DU55) i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; ATAU ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; ATAU iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; ATAU iv. <i>Fellowship</i> dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh organisasi atau

			<p>kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; DAN</p> <p>v. Memiliki tempoh pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; DAN</p> <p>vi. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan perubatan yang sangat istimewa mutunya; DAN</p> <p>vii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam perkara (v).</p> <p>B) JAWATAN PENSYARAH PERUBATAN (DU51)</p> <p>i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; ATAU</p> <p>ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; ATAU</p> <p>iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;</p>
--	--	--	--

			<p>ATAU</p> <p>iv. <i>Fellowship</i> dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh organisasi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.</p>
--	--	--	---